KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SABTU, 15 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

15/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **CHE' PUAN KHALEEDA SANTUNI BELLA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1126678/che-puan-khaleeda-santuni-bella | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **WOMEN'S GROUP: BE SAFE; GO STRAIGHT TO THE AUTHORITIES IF YOU HAVE A STALKER** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/931029/womens-group-be-safe-go-straight-authorities-if-you-have-stalker | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **FILING FRESH POLICE REPORT WILL ENABLE PROBE UNDER NEW ANTI-STALKING LAW: NANCY TELLS VICTIM OF STALKER** | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/931037/filing-fresh-police-report-will-enable-probe-under-new-anti-stalking-law | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **KUARTET MERDEKA DI TV 3 – 4 MENTERI KONGSI CERITA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KETIKA ZAMAN KANAK-KANAK** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1126345/kuartet-merdeka-di-tv-3-%E2%80%93-4-menteri-kongsi-cerita-sambutan-hari | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **TIADA CALON SESUAI PUNCA UTAMA WANITA KAHWIN LAMBAT** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/07/1126383/tiada-calon-sesuai-punca-utama-wanita-kahwin-lambat | BHARIAN.COM.MY |

15/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **JOHOR TUBUH TIGA JAWATANKUASA BELA GOLONGAN RENTAN** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/14/johor-tubuh-tiga-jawatankuasa-bela-golongan-rentan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **TASKA TERLIBAT KES ABAI, ANIAYA KANAK-KANAK DIARAH TUTUP** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/14/taska-terlibat-kes-abai-aniaya-kanak-kanak-diarah-tutup/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KEHIDUPAN BELLA KINI LEBIH BAIK** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987754/kehidupan-bella-kini-lebih-baik | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **'BIAR BERAT UJIAN INI, KAMI TETAP AKAN JAGA BALQISS BATRISYA'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987626/biar-berat-ujian-ini-kami-tetap-akan-jaga-balqiss-batrisya | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **UPSI KONGSI MODUL PEMULIHAN DALAM KOMUNITI BERSAMA PETUGAS JKM** | |
| | https://suaramerdeka.com.my/upsi-kongsi-modul-pemulihan-dalam-komuniti-bersama-petugas-jkm/ | SUARAMERDEKA.COM.MY |

15/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **YAKEB SALUR BANTUAN LEBIH RM270,000 BANTU AHLI DAN KELUARGA ATLET** | |
| | https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2023/07/987785/yakeb-salur-bantuan-lebih-rm270000-bantu-ahli-dan-keluarga-atlet | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **332 INDIVIDU TERIMA MANFAAT YAKEB HINGGA JUN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/14/332-individu-terima-manfaat-yakeb-hingga-jun/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/332-terima-manfaat-skim-bantuan-khas-yakeb-sehingga-jun/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **ALLIANZ GENERAL AGIH LEBIHAN PERTAMA CAF KEPADA 7 PERTUBUHAN KEBAJIKAN** | |
| | https://suaramerdeka.com.my/allianz-general-agih-lebihan-pertama-caf-kepada-7-pertubuhan-kebajikan/ | SUARAMERDEKA.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **MURSYIDUL AM PAS NASIHAT SANUSI JAGA ‘KATA-KATA’. WANITA REMPIT DI LEBUHRAYA SERAH DIRI #MGFLASH** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/14/mursyidul-am-pas-nasihat-sanusi-jaga-kata-kata-wanita-rempit-di-lebuhraya-serah-diri-mgflash/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

15/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **WANITA WARGA EMAS SIMBAH ASID MENANGIS DIIRINGI ANGGOTA BAGI PENDAKWAAN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/14/wanita-warga-emas-simbah-asid-menangis-diiringi-anggota-bagi-pendakwaan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1126489/wanita-simbah-asid-terhadap-peniaga-dipenjara-12-bulan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987588/wanita-didakwa-simbah-asid-menangis-di-mahkamah | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268183/berita/semasa/warga-emas-mengaku-simbah-asid-dijel-12-bulan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/simbah-asid-terhadap-lelaki-warga-pakistan-wanita-warga-emas-dipenjara-12-bulan-428081 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/987632/wanita-simbah-asid-terhadap-peniaga-dipenjara-12-bulan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=UE8UjiF1Flk | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=huFkSnozTCo | YOUTUBE |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268254/video/berita-semasa-video/wanita-warga-emas-dijel-12-bulan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-mualaf-mengaku-simbah-asid-dipenjara-12-bulan-x8mimo0 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **POLIS SIASAT DAKWAAN WANITA JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268168/berita/semasa/polis-siasat-dakwaan-wanita-jadi-mangsa-gangguan-seksual | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/14/polis-buka-semula-siasatan-jurugambar-wanita-diganggu-stalker/ | KOSMO.COM.MY |

15/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **ADA WANITA 'GILAKAN' SEMULA BEKAS SUAMI SELEPAS CERAI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/14/ada-wanita-gilakan-semula-bekas-suami-selepas-cerai/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **KWC FOKUS PERKASA AGENDA WANITA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kwc-fokus-perkasa-agenda-wanita/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **PESARA WANITA RUGI RM113,850 AKIBAT 'PHONE SCAM'** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pesara-wanita-rugi-rm113850-akibat-phone-scam-428143 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **100 PEMAIN GOLF DARI TUJUH NEGARA BERENTAP PADA KEJOHANAN TERBUKA AMATUR WANITA MALAYSIA KE-37** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/100-pemain-sertai-kejohanan-terbuka-amatur-wanita-malaysia-37/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **219 KES JENAYAH SEKSUAL BABIT KANAK-KANAK DI JOHOR** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/14/219-kes-jenayah-seksual-babit-kanak-kanak-di-johor/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=PvS6evOU-eU | YOUTUBE |

15/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **HTAR SIASAT KEMATIAN KANAK-KANAK 10 TAHUN** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/14/htar-siasat-kematian-kanak-kanak-10-tahun/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1126528/htar-siasat-kematian-kanak-kanak-10-tahun | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/htar-siasat-kematian-kanakkanak-10-tahun-428098 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.malaysiakini.com/news/671947 | MALAYSIAKINI.COM |
| | https://www.samudera.my/kes-tular-kanak-kanak-maut-ketika-dapatkan-rawatan-htar-jalankan-siasatan/ | SAMUDERA.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/htar-siasat-kematian-kanak-kanak-10-tahun/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/14/htar-siasat-kematian-kanak-kanak-10-tahun/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **GURU, PEMBANTU TASKA BERDEPAN TIGA PERTUDUHAN ANIAYA LIMA KANAK-KANAK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268262/video/berita-semasa-video/guru-pembantu-taska-berdepan-tiga-pertuduhan-aniaya-lima-kanak-kanak | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987649/pemilik-guru-taska-didakwa-dera-bayi-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268189/berita/semasa/guru-pembantu-taska-didakwa-aniaya-lima-kanak-kanak | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=3gFdFgLgtwc | YOUTUBE |
| | https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/07/1126516/pemilik-guru-taska-didakwa-dera-bayi-kanak-kanak | BHARIAN.COM.MY |

15/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **BOT KARAM, BUDAK 7 TAHUN DITEMUKAN LEMAS SEORANG MASIH HILANG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987805/bot-karam-budak-7-tahun-ditemukan-lemas-seorang-masih-hilang | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/268269/berita/semasa/bot-karam-kanak-kanak-7-tahun-maut-seorang-lagi-hilang | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **KANAK-KANAK JALANI PEMBEDAHAN OTAK STABIL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987624/kanak-kanak-jalani-pembedahan-otak-stabil | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **EMPAT SEKELUARGA SESAK NAFAS, KANAK-KANAK PENGSAN DALAM KEBAKARAN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-sekeluarga-sesak-nafas-kanakkanak-pengsan-dalam-kebakaran-428036 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 28 | **MOTHER ALLEGEDLY KILLS HERSELF AFTER FAILING TO STAB OKU SON** | |
| | https://www.thesundaily.my/style-life/going-viral/mother-allegedly-kills-herself-after-failing-to-stab-oku-son-KB11230813 | THESUNDAILY.MY |

15/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 29 | **STATUS OKU TAK HALANG JADI PETANI BERJAYA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/987715/status-oku-tak-halang-jadi-petani-berjaya | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 30 | **OPERATOR, PENGASUH BAYI TUNGGANG MOTOSIKAL AKSI 'SUPERMAN' SERAH DIRI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1126324/operator-pengasuh-bayi-tunggang-motosikal-aksi-superman-serah-diri | BHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA WANITA BUAT AKSI 'SUPERMAN' SERAH DIRI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dua wanita buat aksi 'Superman' serah diri

**Tanjung Malim:** Dua wanita yang menunggang motosikal dengan aksi berbahaya termasuk melakukan aksi 'Superman' di Lebuhraya Utara-Selatan, ditahan polis kelmarin.

Ketua Polis Daerah Muallim, Superintendan Mohd Hasni Mohd Nasir, berkata dua wanita itu ditahan selepas menyerah diri di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim pada jam 9.10 malam kelmarin.

Katanya, suspek berusia 18 tahun dan 21 tahun yang menunggang motosikal jenis Yamaha Y15 dikesan melakukan kesalahan terbabit di Kilometer (KM) 375.9 Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) arah utara dari Behrang ke Slim River.

Beliau berkata, polis mengesan kedua-dua suspek selepas video mereka melakukan aksi menunggang motosikal secara berbahaya tular di media sosial.

"Siasatan pihak polis mendapati ketika kejadian, kedua-dua suspek dipercayai dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Ipoh.

"Tiba di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Behrang, dipercayai kedua-dua suspek melakukan aksi berbahaya dengan meluruskan kaki di belakang (Superman) dan melakukan 'zig zag' di kiri dan kanan jalan," katanya dalam kenyataan, malam kelmarin.



*Tangkap layar video aksi seorang suspek melakukan aksi 'Superman' di Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) arah utara dari Behrang ke Slim River.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU BAPA PERLU CELIK IT PANTAU ANAK GUNA INTERNET, GAJET | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ibu bapa perlu celik IT pantau anak guna internet, gajet

• Internet berpotensi memberi kesan negatif kepada kanak-kanak dalam pelbagai perspektif seperti mendapat akses lebih luas kepada kandungan tidak sesuai

• Aplikasi kawalan internet membantu ibu bapa melindungi anak-anak daripada terjerumus ke dalam perangkap negatif internet



Pensyarah Kanan Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

Oleh Dr Wan Munira Wan Jaafar
bhrencana@bh.com.my

**Era** ini, kanak-kanak mempunyai kemahiran untuk melayari internet bagi mendapatkan akses kepada maklumat dan hiburan mereka inginkan. Hal ini dipermudahkan apabila ibu bapa dengan rela hati menyediakan gajet seperti telefon pintar dan tablet untuk kegunaan anak-anak atas nama 'pembelajaran mengikut trend semasa'.

Menurut Kaji Selidik Pengguna Internet 2018, sembilan daripada 10 kanak-kanak berumur lima hingga 17 tahun di Malaysia melayari internet dan 91.8 peratus daripada mereka menggunakan telefon pintar untuk tujuan pelbagai aktiviti dalam talian antaranya komunikasi teks, jaringan sosial, mencari maklumat dan menonton video.

'Ofcom's Children and Parents Media Use and Attitudes (2017) melaporkan 46 peratus kanak-kanak berumur 11 tahun, 12 tahun (51 peratus) dan 10 tahun (28 peratus) mempunyai akaun media sosial. Lapan daripada 10 kanak-kanak mempunyai akaun Instagram atau Snapchat tanpa sebarang sekatan.

Tidak dinafikan internet menawarkan kelebihan untuk kanak-kanak antaranya meningkatkan penguasaan digital bagi melakukan pencarian, penyelidikan dan menyiapkan tugasan sekolah mereka dengan pantas.

Keupayaan internet menggantikan interaksi bersemuka, maka kanak-kanak dapat berinteraksi, berkomunikasi, bertemu orang, membina hubungan dan mengekalkan persahabatan.

Pada masa sama, menggunakan internet membolehkan kanak-kanak memupuk pembelajaran berdikari dan mengukuhkan keupayaan mereka memberikan penyelesaian kepada masalah dihadapi.

Selain itu, internet terbukti dapat meningkatkan kreativiti dan kemahiran sosial kanak-kanak apabila mereka mengambil bahagian dalam permainan dalam talian dan rangkaian sosial digital kerana terdapat banyak alat pembelajaran baharu tersedia dalam talian.

Bagaimanapun, internet juga berpotensi memberi kesan negatif kepada kanak-kanak dalam pelbagai perspektif. Terdapat kemungkinan kanak-kanak mendapat akses lebih luas kepada kandungan tidak sesuai seperti pornografi, ganas serta berita palsu.

## Bimbang ketagihan internet

Lebih membimbangkan, penggunaan berlebihan atau tanpa kawalan boleh membawa kepada ketagihan internet dan eksploitasi komersial kepada kanak-kanak. Isu peribadi dalam aplikasi dimuat turun kanak-kanak juga membimbangkan yang mana data peribadi pelayar kanak-kanak mungkin dikongsi dengan pihak ketiga.

Sebagai contoh, aplikasi media sosial terkenal TikTok dahulunya dikenali sebagai Musical.ly didenda AS$5.7 juta oleh Suruhanjaya Perdagangan Persekutuan (FTC) Amerika Syarikat (AS) kerana mengumpul maklumat peribadi kanak-kanak bawah umur 13 tahun secara haram.

Pada 2022, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) melaporkan lebih 100,000 kanak-kanak di Malaysia terbabit dengan eksploitasi internet. Aksi seksual kanak-kanak terhadap rakan sebaya juga kian membimbangkan.

Terdapat kajian menunjukkan kanak-kanak adalah dua kali lebih terdedah kepada paparan kandungan seksual dalam talian dan cenderung melakukan hubungan seks dengan orang mereka temui dalam talian. Bermakna, penggunaan internet tidak terkawal boleh menjejaskan kesihatan mental kanak-kanak.

Lebih banyak masa dihabiskan di internet dikatakan mengurangkan minat kanak-kanak terhadap sukan, interaksi bersemuka dengan ahli keluarga, kurang minat menghadiri kelas di luar sekolah seperti seni dan muzik.

Pengasingan sosial ini mungkin menyebabkan kanak-kanak terlampau aktif dengan penggunaan internet berdepan masalah lain seperti buli siber, sama ada sebagai pelaku atau mangsa.

Penggunaan internet juga boleh menyebabkan kemurungan disebabkan beberapa faktor seperti beban maklumat digital terlalu tinggi dan tidak terbendung serta perbandingan sosial mengakibatkan rasa cemburu kronik.

Menyedari risiko pendedahan kepada internet yang pelbagai, tidak dinafikan sesetengah ibu bapa menghadapi kesukaran menentukan had umur minimum untuk anak mereka menggunakan laman rangkaian sosial.

Walaupun ada menyatakan mendedahkan internet pada usia awal mungkin tidak terlalu baik untuk anak-anak, ibu bapa bimbang jika memperkenalkan anak-anak mereka terlalu lewat ke internet mungkin melambatkan perkembangan kemahiran sosial dan kognitif mereka.

Ironinya, ibu bapa perlu mengambil tahu apa yang sudah dan sedang dilayari anak-anak mereka. WiFi dan kelajuan internet tanpa had tersedia hampir di mana-mana ketika ini, sekali gus membolehkan kanak-kanak melakukan aktiviti dalam talian pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Ini memberi cabaran yang besar kepada ibu bapa untuk memantau aktiviti anak-anak dalam talian.

Kajian mendapati ramai ibu bapa menyatakan mereka mempunyai sedikit pengetahuan mengenai aktiviti dalam talian anak-anak dan sukar mengawasi aktiviti internet dengan teliti. Aktiviti pembelajaran melalui platform dalam talian semakin berkembang membolehkan kanak-kanak belajar, mengembangkan kemahiran media tetapi pada masa sama semakin mendedahkan mereka kepada bahaya internet.

## Ibu bapa kena peka aktiviti anak

Dalam konteks ini, pembabitan dalam kawalan dan strategi pemantauan boleh membantu ibu bapa sentiasa peka terhadap aktiviti internet anak-anak mereka.

Apabila ibu bapa mengawal penggunaan internet anak mereka, mengehadkan masa dihabiskan di internet dan menentukan bentuk kandungan dilihat, terdapat kemungkinan penggunaan internet bermasalah dapat dikurangkan.

Kini terdapat aplikasi memudahkan aktiviti pemantauan dan pengawalan ibu bapa terhadap penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak.

Aplikasi kawalan ibu bapa adalah teknologi digital boleh memantau atau menjejaki sejarah penggunaan media kanak-kanak. Antara aplikasi popular adalah 'FamilyLync', 'We-Choose', 'MediaKids' dan 'SafeChat'.

Pada asasnya, aplikasi ini membolehkan ibu bapa menyekat atau menetapkan had akses internet anak mereka daripada melawat laman web atau saluran tidak sesuai.

Aplikasi ini terbahagi kepada enam fungsi iaitu; pengesanan automatik laman web dan aplikasi, sekatan laman web berbahaya, pengehadan masa, pengehadan capaian aplikasi tertentu, penjejak kedudukan dan pemantauan aktiviti am.

Ibu bapa boleh menggunakan aplikasi ini untuk merakam aktiviti dalam talian termasuk perbualan anak mereka di media sosial. Ini membantu ibu bapa melindungi anak-anak daripada terjerumus ke dalam perangkap negatif internet termasuk menjadi mangsa gangguan seksual dalam talian.

Adalah merugikan jika ibu bapa tidak memanfaatkan kebaikan teknologi ini demi kesejahteraan anak-anak di zaman serba mencabar ini.



| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KESAN DADAH KEPADA BAYI BERGANTUNG DOS DIAMBIL IBU | | |
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 15 JUL 2023 | M/SURAT : | 18 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Kesan dadah kepada bayi bergantung dos diambil ibu

**Kuala Lumpur:** Kesan dadah kepada bayi bergantung kepada dos yang diambil ibu, kekerapan dan sejak bila ibu yang mengandung mengambil dadah.

Pakar Kesihatan Awam, Datuk Dr Khalid Ibrahim, berkata kesan dadah dalam sistem tubuh bayi boleh menjejaskan fungsi otak jika ia mengurangkan pengaliran oksigen ke otak.

Katanya, jika kesan dadah itu menyebabkan oksigen ke otak berkurangan, maka komplikasi mungkin berpanjangan.

"Antara faktor perlu dilihat termasuk berapa banyak dos ibu itu ambil, berapa kerap dan sejak bila ambil dadah, adakah ketika mengandung lagi ibu sudah mengambil dadah.

"Pemeriksaan secara menyeluruh perlu dilakukan kepada bayi seperti ujian MRI/ CT scan untuk melihat fungsi otak, ujian darah dan ujian ke atas organ lain juga diperlukan," katanya.

Beliau mengulas laporan mengenai polis menahan seorang wanita berusia 21 tahun selepas anak perempuannya yang berusia setahun 10 bulan didapati positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Razlam Ab Hamid, dilaporkan berkata kes itu terbongkar selepas polis menerima laporan pegawai perubatan Hospital Taiping memaklumkan kanak-kanak positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine, 11 Julai lalu.

Susulan itu, polis menahan ibu kanak-kanak berkenaan, yang juga seorang suri rumah dan ujian air kencing yang dijalankan ke atasnya mendapati dia positif dadah jenis methamphetamine, manakala bayi terbabit dilaporkan dalam keadaan stabil dan dirawat di hospital.

Dr Khalid yang juga Pensyarah Utama Perubatan, Jabatan Kesihatan Awam Fakulti Perubatan Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkata, dadah juga mungkin memberi kesan kepada saluran pernafasan dan menyebabkan bayi mengalami masalah sukar bernafas dan sindrom respiratory distress sehingga boleh menyebabkan kematian.



*Dr Khalid Ibrahim*

"Amphetamine dan methamphetamine adalah ubat perangsang yang tergolong dalam kelas perangsang sistem saraf tunjang. Antara kaedah dadah boleh memasuki sistem tubuh bayi adalah melalui susu ibu ketika penyusuan.

"Secara umum, penyusuan susu ibu dianggap sebagai cara terbaik untuk memberi makan bayi semasa tahun pertama kehidupannya. Bagaimanapun, jika ibu perlu mengambil ubat-ubatan atau mengalami ketagihan dadah atau alkohol, susu ibu boleh membahayakan bayi," jelasnya.

Beliau berkata, bayi yang dilahirkan oleh ibu yang mengambil amphetamine atau methamphetamine ketika mengandung mungkin mengalami gejala penarikan diri, termasuk menangis berlebihan, mudah marah, hiperaktif dan gangguan tidur.

"Dalam kes tertentu, bayi yang terdedah kepada dadah ini ketika mengandung mungkin mengalami masalah pernafasan," katanya.

Sementara itu, Pakar Perunding Paediatrik dan Neonatologi Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam, Dr Masri Muhamed, berkata rawatan bagi bayi atau kanak-kanak yang terdedah dengan bahan terlarang bergantung kepada keperluan pesakit.

"Bantuan pernafasan seperti memberi oksigen jika perlu dan memastikan tahap hidrasi yang baik adalah antara prosedur rawatan yang diberikan.

"Pesakit harus dipantau di hospital sehingga stabil dan jika pesakit mempunyai komplikasi lain disebabkan oleh dadah itu sendiri," katanya kepada *BH*, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMILIK, GURU TASKA DIDAKWA DERA BAYI DAN KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pemilik, guru taska didakwa dera bayi dan kanak-kanak

**Ipoh:** Tiga wanita termasuk dua guru taska didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan mendera bayi dan kanak-kanak di bawah jagaan mereka, minggu lalu.

Wan Suhaila Mior Khir, 32, dan Noor Shafina Abdul Khair, 26, masing-masing didakwa atas tiga serta dua pertuduhan mendera bayi dan kanak-kanak berusia tujuh bulan hingga 29 bulan, mengaku tidak bersalah melakukan perbuatan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad.

Mengikut pertuduhan, Wan Suhaila didakwa melakukan penganiayaan menyebabkan kesakitan termasuk mengakibatkan kecederaan terhadap bayi dan kanak-kanak berusia tujuh bulan, 26 bulan dan 28 bulan dalam kejadian antara jam 4.15 petang 4 Julai lalu sehingga jam 2.16 petang 6 Julai lalu.

Noor Shafina pula didakwa melakukan penganiayaan terhadap kanak-kanak berusia 21 dan 29 bulan.

Semua perbuatan itu didakwa dilakukan antara jam 2.14 petang hingga 4.18 petang, 6 Julai lalu.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah taska di Taman Meru Perdana 2, Chemor, di sini.



*Wan Suhaila (kiri) dan Noor Shafina dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.* (Foto BERNAMA)

Semua pertuduhan itu dibaca mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 31(1) Akta yang sama, yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, S S Evangelin, manakala Wan Suhaila diwakili peguam, Raja Mohd Iskandar Zulkharnian Raja Abdul Malek dan Noor Shafina diwakili peguam, Mohammad Syarifuddin Zaid.

Mahkamah membenarkan jaminan terhadap Wan Suhaila RM8,000, manakala bagi Noor Shafina RM7,000 serta menetapkan 16 Ogos depan untuk sebutan semula kes.

Sementara itu di mahkamah berasingan, pemilik taska iaitu Rozidah Yahaya, 51, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Azizah Ahmad terhadap tuduhan meninggalkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 29 bulan di bawah jagaan taska itu tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kanak-kanak itu cedera.

Mahkamah membenarkan jaminan RM4,000 dengan seorang penjamin terhadap Rozidah, selain menetapkan syarat tambahan iaitu melapor diri di balai polis terdekat sebulan sekali serta menetapkan tarikh sebutan semula kes 16 Ogos depan.

TAJUK : TV3 SIAR BUAL BICARA SUARA RAKYAT SEMPENA HARI KEBANGSAAN

HARI : SABTU    AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 15 JUL 2023    M/SURAT : 09

TONE : POSITIF    SEKTOR : KPWKM



# TV3 siar bual bicara Suara Rakyat sempena Hari Kebangsaan

**Kuala Lumpur:** TV3 hari ini menyiarkan program bual bicara khas Suara Rakyat sempena sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos depan bertemakan Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan.

Program bertajuk Kuartet Merdeka itu menampilkan empat Menteri daripada pelbagai kaum yang menggambarkan kepelbagaian kaum penduduk negara ini, dijadual bersiaran jam 5.23 petang.

Mereka ialah Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; Menteri Sumber Manusia V Sivakumar; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Datuk Seri Nancy Shukri dan Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Rancangan dihoskan oleh Mior Abdul Malek Raiyani dan Azaria Tagaya.

Fahmi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023, baru-baru ini berkata tema itu mendasari tekad serta komitmen pemimpin bersama rakyat sebagai sebuah negara bangsa yang memiliki semangat perpaduan yang tinggi, bersatu-padu serta kehidupan yang aman dan sejahtera.

Ia juga didokong konsep Malaysia MADANI sebagai kunci utama bagi memastikan rakyat mengecapi segala bentuk kemajuan serta kemodenan yang berteraskan kemampanan budaya bangsa, berdaya cipta, keyakinan, kesejahteraan, hormat menghormati dan ihsan.

Pemilihan logo Malaysia MADANI pula berteraskan kepada reka bentuk logo unik dan simbolik dengan tangan yang sedang diangkat, untuk melafazkan ikrar Rukun Negara.

Selain membincangkan mengenai betapa pentingnya perpaduan kaum dan pencapaian negara, empat menteri berkenaan menceritakan pengalaman mereka menyambut Hari Kebangsaan ketika kanak-kanak.

TAJUK : WANITA WARGA EMAS SIMBAH ASID DIPENJARA 12 BULAN

HARI : SABTU | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 15 JUL 2023 | M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# Wanita warga emas simbah asid dipenjara 12 bulan

**Selayang:** Mahkamah Majistret, di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap seorang penganggur wanita warga emas selepas mengaku bersalah menyimbah cecair kimia ke arah seorang lelaki warga Pakistan.

Majistret Chai Guan Hock, memutuskan hukuman berkenaan berkuat kuasa bermula tarikh tangkap pada 9 Julai lalu, selepas Saira Abdullah, 62, yang juga mualaf sejak 2020 mengaku bersalah atas pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, Saira menyebabkan cedera menggunakan cecair kimia ke atas Inam Ullah, 37, dalam lif blok B, Pangsapuri Laksamana Jaya, Kampung Laksamana, Batu Caves, jam 1.10 pagi, 4 Julai lalu.

Bagaimanapun, wanita itu mengaku tidak bersalah atas satu lagi pertuduhan kerana kesalahan sama terhadap isteri Inam, Jemilah Sabda, 60, di tempat serta waktu sama.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman terbabit, jika disabitkan kesalahan.

Mengikut fakta kes, mangsa yang dirawat ke Hospital Selayang didapati lecur tahap satu di bahu kanan serta belakang badan.

Terdahulu, tertuduh yang memakai jubah biru dengan bergari dan diiringi beberapa anggota polis, dilihat menangis teresak-esak ketika tiba di lobi mahkamah, tiba kira-kira jam 9 pagi.

Sementara itu, Peguam Yayasan Bahagian Guaman Kebangsaan (YBGK) mewakili tertuduh, Izleen Ismail, berkata anak guam mengalami tekanan teruk akibat diprovokasi oleh lelaki Pakistan itu.

"Saya dimaklumkan oleh tertuduh, pengadu (lelaki berkenaan) memberi provokasi untuk menjadi rakannya, justeru memberi tekanan mental yang tinggi dan tertuduh tidak dapat mengawal perasaan.

"Anak guam juga ada diabetes dan darah tinggi, selain menerima rawatan kemurungan di Hospital Selayang. Tertuduh yang tinggal bersama adik berusia 53 tahun tiada rekod lampau," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin bagi satu lagi kesalahan, selain menetapkan 12 September ini untuk sebutan semula kes.



*Saira tiba di Mahkamah Majistret Selayang, semalam.* (Foto BERNAMA)

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'SUPERMAN' DARI PULAU INDAH & KLANG SERAH DIRI | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

VIRAL VIDEO TUNGGANG MOTOSIKAL AKSI BAHAYA

# 'Superman' dari Pulau Indah & Klang serah diri

**Slim River:** Seorang operator dan pengasuh bayi yang menunggang motosikal sambil melakukan aksi bahaya dikenakan tindakan saman selepas menyerah diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim, di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Muallim, Superintendan Mohd Hasni Mohd Nasir berkata, kedua-dua wanita berusia 18 dan 21 tahun itu dikesan melakukan kesalahan terbabit di Kilometer 375.9 Lebuhraya Utara-Selatan arah utara dari Behrang ke Slim River.

Katanya, pihak polis berjaya mengesan kedua-dua suspek yang menunggang Yamaha Y15 terbabit selepas video kedua-dua suspek melakukan aksi menunggang motosikal secara merbahaya tular di media sosial.

"Siasatan pihak polis mendapati ketika kejadian, kedua-dua suspek dipercayai dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Ipoh.

"Apabila tiba di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Behrang, dipercayai kedua-dua suspek melakukan aksi berbahaya dengan meluruskan kaki di belakang (Superman) dan melakukan aksi *zigzag* di kiri dan kanan jalan," katanya dalam kenyataan, malam kelmarin.

Mohd Hasni berkata, perbuatan kedua-dua suspek terbabit berjaya dikesan oleh pihak polis serta suspek menyerah diri di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik IPD Muallim kira-kira jam 9.10 malam kelmarin.

"Hasil rakaman percakapan ke atas kedua-dua suspek mendapati kejadian terbabit berlaku pada Ahad yang lalu dan video berkenaan mulai tular sejak semalam (Rabu lalu).

"Suspek berusia 18 tahun yang bekerja sebagai operator, manakala wanita berusia 21 tahun pula berkerja sebagai pengasuh bayi turut dikenakan saman kerana tidak mempunyai lesen memandu.

"Hasil siasatan selanjutnya juga mendapati suspek mereka yang berasal dari Pulau Indah, Selangor dan Klang, Selangor tidak mempunyai rekod jenayah dan dibebaskan dengan jaminan polis," katanya.

Katanya, kes diklafikasikan mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.



TANGKAP layar video yang viral di media sosial menunjukkan seorang suspek melakukan aksi 'Superman' di Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) arah utara dari Behrang ke Slim River.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ANAQI STABIL SELEPAS PEMBEDAHAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



ANAQI Fayyadh sudah dipindahkan ke wad biasa.

## PESAKIT KETUMBUHAN OTAK

# ANAQI STABIL SELEPAS PEMBEDAHAN

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

**Cheras**

Pesakit ketumbuhan otak, Muhammad Anaqi Fayyadh Abu Zar yang menjalani pembedahan membuang ketumbuhan sebesar 10 sentimeter (cm) di Hospital Pakar Kanak-Kanak (HPKK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, Isnin lalu, stabil.

Bayi lelaki yang mesra disapa 'adik' berusia setahun 11 bulan dipindahkan ke wad biasa tengah hari semalam.

Ibunya, Nur Fitri Basril, 29, berkata, dia bersyukur anaknya menunjukkan perkembangan stabil dan doktor sudah mencabut semua tiub termasuk di kepala.

Bagaimanapun, katanya, apa yang lebih menggembirakannya Muhammad Anaqi Fayyadh juga sudah boleh makan dan minum seperti biasa.

> *Saya tak boleh jaga adik di wad berkenaan, tetapi kami boleh melawat adik dan hari ini bersyukur dapat khabar gembira adik stabil serta sudah boleh dipindahkan ke wad biasa"*
>
> **Nur Fitri Basril**

"Saya tak boleh jaga adik di wad berkenaan, tetapi kami boleh melawat adik dan hari ini (semalam) bersyukur dapat khabar gembira adik stabil serta sudah boleh dipindahkan ke wad biasa.

"Selepas ini saya dapat jaga adik yang mahukan mamanya sentiasa berada di sebelah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, pasukan perubatan masih memantau keadaan Muhammad Anaqi Fayyadh dan dia juga tidak pasti mereka sampai bila akan 'berkampung' di hospital, namun mengakui dia tidak kisah asalkan kesihatan anaknya pulih kembali.

"Saya dimaklumkan dalam masa 14 hari daripada tarikh pembedahan doktor akan buka jahitan di kepala adik.

"Saya sentiasa berdoa adik akan kembali sihat sepenuhnya selepas ini dan tiada sebarang perkara tidak diingini berlaku kepadanya," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, Muhammad Anaqi Fayyadh didiagnosis penyakit itu pada 21 Jun lalu selepas mengalami perubahan mendadak ketika hampir terjatuh tangga di rumah ibu saudaranya tiga bulan lalu.

Penderitaan Muhammad Anaqi Fayyadh mendapat perhatian di TikTok apabila bapa saudaranya yang juga adik ipar Nur Fitri berkongsi video bayi itu yang memerlukan bantuan kos perubatan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EMPAT SEKELUARGA SESAK NAFAS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# EMPAT SEKELUARGA SESAK NAFAS

*Kebakaran babitkan rumah tiga tingkat di Taman Samudera Teres*

**Oleh Nurul Hidayah Bahaudin**
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Gombak**

Empat sekeluarga dan seorang anggota bomba sesak nafas susulan kebakaran membabitkan rumah teres di Taman Samudera Teres, di sini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor Wan Md Razali Wan Ismail berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu jam 11.55 malam kelmarin.

"Seramai 20 anggota bersama lima jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Selayang dan BBP Rawang dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba, kami dimaklumkan terdapat kebakaran membabitkan sebuah rumah teres tiga tingkat di lokasi kejadian," katanya, semalam.



ANGGOTA bomba yang mengalami sesak nafas dikejarkan ke Hospital Selayang untuk rawatan lanjut.

Wan Md Razali berkata, sebanyak 50 peratus bahagian rumah berkenaan dijilat api.

"Kebakaran mengakibatkan empat penghuni rumah itu sesak nafas. Mangsa membabitkan seorang lelaki

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HTAR SIASAT KEMATIAN BUDAK 10 TAHUN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 24 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# HTAR siasat kematian budak 10 tahun

**Shah Alam:** Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang akan menjalankan siasatan berhubung kematian seorang kanak-kanak berusia 10 tahun ketika mendapatkan rawatan di hospital berkenaan, baru-baru ini.

Pengarahnya, Dr Zulkarnain Mohd Rawi berkata, pihaknya merujuk kepada video yang tular menerusi aplikasi TikTok berkaitan perkara terbabit.

Beliau berkata, kanak-kanak itu hadir ke Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR bersama bapanya pada 9 Julai lalu.

"Keadaan pesakit (kanak-kanak) semasa di HTAR dalam keadaan lemah. Pesakit sudah diberikan rawatan yang sewajarnya oleh pakar perubatan kecemasan, namun pesakit tidak dapat diselamatkan.

"Punca kematian masih dalam siasatan Jabatan Perubatan Forensik HTAR," katanya.

Menurut Dr Zulkarnain, pihaknya bersimpati dengan perkara dilalui keluarga Allahyarham dan akan berhubung dengan pihak keluarga untuk perbincangan lebih lanjut berkaitan kes itu. - Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KENA JEL 12 BULAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



SAIRA ketika dibawa ke mahkamah.

KES WANITA SIMBAH ASID

# KENA JEL 12 BULAN

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Selayang**

Wanita yang menyimbah asid terhadap peniaga roti nan atas alasan tidak tahan diprovokasi dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Chai Guan Hock menjatuhkan hukuman itu terhadap Saira Abdullah, 62, yang mengaku bersalah melakukan perbuatan itu.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara itu bermula daripada tertuduh ditangkap pada 9 Julai lalu.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa dengan sengaja menyebabkan cedera menggunakan cecair kimia ke atas Inam Ullah, 37, di dalam lif Blok B, Pangsapuri Laksamana Jaya, Kampung Laksamana, Batu Caves, dekat sini, jam 1.10 pagi, 4 Julai lalu.

Bagi kesalahan itu pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman maksimum penjara 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada seksaan itu.

Terdahulu, peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Izleen Ismail mewakili tertuduh yang juga penganggur, memohon mahkamah mengenakan hukuman ringan.

"Sebelum ini, tertuduh mengalami kemurungan teruk dan pernah mendapatkan rawatan hospital. Dalam kejadian ini, tertuduh mendakwa dia diprovokasi oleh mangsa, yang mahu berkawan walaupun mangsa sudah berkahwin.

"Anak guam mengalami tekanan teruk akibat diprovokasi lelaki Pakistan itu.

"Tertuduh tidak boleh berfikir dengan betul dan mengambil tindakan sendiri (menyimbah cecair kimia) dan tertuduh menyesali perbuatan itu," kata Izleen.

Menurutnya, tertuduh tinggal bersama adik berusia 53 tahun tiada rekod lampau.

"Tertuduh menyesal, insaf, dan tidak akan mengulangi kesalahan. Mohon hukuman ringan (kesalahan menyimbah asid ke arah lelaki Pakistan). Satu lagi tuduhan, jaminan boleh diberikan selepas menjalani hukuman," katanya.

Mendengar rayuan itu, Timbalan Pendakwa Raya Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal kemudian memohon mahkamah mengenakan hukuman berat terhadap tertuduh, dengan mengambil kira keseriusan kes selain kecederaan dialami mangsa mana tertuduh menggunakan cecair kimia.

Dalam prosiding sama, Saira mengaku tidak bersalah atas pertuduhan sama iaitu mendatangkan cedera terhadap seorang wanita, Jemilah Sabda, 60, yang juga isteri kepada Inam pada tempat, waktu dan tarikh sama dan mengikut seksyen sama.

Bagi pertuduhan mencederakan Jemilah mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,000 dan menetapkan 12 September ini bagi sebutan semula kes.

Mengikut fakta kes, seorang pengadu, Noorashidah Abu Safian menerima panggilan daripada ibunya, menyatakan mereka disimbah cecair kimia di lokasi kejadian.

Kedua-dua mangsa kemudian dihantar ke Hospital Selayang bagi mendapatkan rawatan.

Hasil pemeriksaan mendapati, Inam mengalami kesan lecuran tahap pertama di bahu kanan dan belakang badan.

Pada jam 4 petang, 9 Julai lalu, pegawai dan anggota polis membuat tangkapan sebuah bilik di Rawang, Selangor bersama dengan barang rampasan iaitu satu botol cecair warna kuning di dalam mengandungi cecair.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | STATUS OKU TAK HALANG JADI PETANI BERJAYA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |





MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu bersama pemenang Anugerah Agropreneur Agrobank.

# STATUS OKU TAK HALANG JADI PETANI BERJAYA

*Pemenang Anugerah Agropreneur Agrobank kudung kedua-dua belah tangan gesa OKU cebur bidang pertanian, penternakan*

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Berstatus orang kelainan upaya (OKU) bukan penghalang untuk berjaya dalam bidang pertanian.

Hal itu dibuktikan oleh Pengarah Urusan NH Nora Trading Rahim Yusoff yang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Agropreneur Agrobank (AAA) 2022 bagi kategori Anugerah Khas Agropreneur OKU sekali gus melayakkannya membawa pulang trofi dan hadiah wang tunai bernilai RM5,000.

Walaupun tiada mempunyai kedua belah tangan sejak lahir, Rahim yang turut dibantu oleh isterinya, Noraidah Hamzah yang juga lumpuh bahagian pinggang ke bawah tidak pernah mematahkan semangat mereka untuk mengendalikan perniagaan ternakan lembu, jualan lembu hidup (*trading*), pemprosesan dan jualan telur masin, pembuatan dan jualan cuka makan dan perkhidmatan jahitan.

Sudah 10 tahun terbabit dalam bidang pertanian, Rahim yang terharu dan gembira dengan penganugerahan yang diterima itu menyeru kepada masyarakat terutama golongan senasib dengannya menceburi bidang pertanian dan penternakan.

Katanya, kegagalan tidak semestinya kita gagal. Jika kita berusaha, Insya-Allah kita akan mendapat ganjaran dari Allah yang kita sendiri tidak tahu bila ia akan sampai.

"Saya masuk bidang pertanian kerana sedar peluang kerja untuk golongan OKU ini luas dan bidang pertanian ini mudah dilakukan.

"Oleh itu, kepada golongan yang senasib dengan saya, tidak kira bekas atlit, masalah penglihatan, cacat tangan macam saya, cubalah cari pendapatan tambahan dengan bidang pertanian ini. Jika kita berusaha dengan bersungguh-sungguh, ia boleh menjadi pendapatan bulanan.

"Terima kasih juga diucapkan kepada Agrobank kerana memberikan suntikan modal dalam mengusahakan perniagaan dan projek penternakan yang saya sedang jalankan," katanya ketika ditemui pada AAA 2022 di, sini, baru-baru ini.

Anugerah itu disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu. Hadir sama Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin.

Sementara itu, Ahmad Badli Shah berkata selain mengiktiraf pelanggan Agrobank yang berprestasi cemerlang serta mengukuhkan hubungan baik dengan pelanggan, AAA 2022 bertujuan meningkatkan kesedaran dan semangat dalam kalangan Agorprenuer untuk terus bekerja keras menambahkan pendapatan.




RAHIM bersama isterinya, Noraidah dan anak mereka selepas dinobatkan penerima Anugerah Agropreneur Agrobank (AAA) 2022 bagi kategori Anugerah Khas Agropreneur OKU.

Anugerah ini juga diadakan khusus untuk menggalakkan peningkatan kesedaran dari segi pertanian kepada Agroprenuer terutama usahawan muda, golongan sasaran dan juga industri kecil dan sederhana (IKS).

"Di Agrobank, kita memberi pendedahan dari segi kewangan, pinjaman dengan modal kecil sehingga dapat bangunkan usahawan itu dari nano kepada mikro kepada IKS seterusnya menjadi korporat yang besar dan menjalankan perniagaan berlandaskan agro makan khususnya pertanian dan sebagainya.

"Oleh itu, AAA 2022 ini, kita memilih calon yang bukan saja berjaya meningkatkan pendapatan mereka dengan bantuan Agrobank tetapi berjaya meningkatkan pendapatan dan turut membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat," katanya.

Menerusi penganjuran AAA edisi kelima ini, Ahmad Badli Shah berkata Agrobank turut memperkenalkan Anugerah terbaru iaitu Anugerah Viral dalam usaha menguar-uarkan kepada Agropreneur bahawa pemasaran di media sosial adalah platform baru yang mampu memperkenalkan lagi produk mereka.

"Apabila Agrobank mengiktiraf keusahawanan pemasaran ini, kita berharap mereka di luar sana dapat melihat bahawa media sosial adalah platform pemasaran yang bagus untuk meningkatkan pendapatan.

"Di pihak Agrobank pula, melalui Agrobank Centre of Excellent (ACE), kita akan menyediakan latihan dalam pelbagai bidang termasuklah pemasaran di media sosial, pengurusan kewangan dan juga jalinan dengan pemain industri yang besar yang akan mengambil produk mereka untuk dipasarkan," katanya.

Agrobank juga menggalakkan agropreneur untuk terus meningkatkan produktiviti dan kualiti mereka melalui kemahiran pengurusan, sumber manusia, ICT, dan pengurusan kewangan yang baik dan bersistematik.

Ahmad Badli Shah berkata hal itu dapat dilaksanakan melalui pembabitan ACE dengan penyediaan perkhidmatan berkonsepkan latihan keusahawanan merangkumi seni urus kewangan, pemasaran digital, pengembangan perniagaan, pengurusan perniagaan dan sebagainya, khusus buat para usahawan Agrobank dalam melengkapkan dan memperkasakan kemahiran soft skills mereka.

"Setakat ini, seramai 1,020 peserta sudah mendapat manfaat daripada program yang dilaksanakan oleh ACE," katanya.

Pada AAA 2022 kali ini tujuh kategori dipertandingkan antaranya Anugerah Agropreneur Muda; Anugerah Agropreneur Mikro; Anugerah Khas Agroprenuer OKU; Anugerah Agropreneur Wanita; Anugerah Pelanggan Setia (Individu) dan Anugerah Pelanggan Setia (Syarikat) dan Anugerah Khas-Ikon Inkubator.

Pemenang anugerah membawa pulang sebuah trofi, sijil dan wang tunai dengan jumlah keseluruhan bernilai RM70,000.



*Apabila Agrobank iktiraf keusahawanan pemasaran ini, kita harap mereka di luar sana dapat melihat bahawa media sosial adalah platform pemasaran bagus untuk meningkatkan pendapatan"*

**Ahmad Badli**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SURI RUMAH BUAT LAPORAN PALSU DIDENDA RM1,800 | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Suri rumah buat laporan palsu didenda RM1,800

**Kuala Pilah:** Suri rumah yang membuat laporan polis palsu kononnya diragut, didenda RM1,800 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Tertuduh, Hafeeza Syuhada Abdul Rahim, 37, dari Bandar Seri Jempol mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibaca di hadapan Majistret Saiful Sayoti.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati membuat laporan polis palsu mendakwa disamun di tepi Jalan Juasseh, Kuala Pilah oleh dua lelaki.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh jam 1.51 tengah hari, 11 Julai lalu di Balai Polis Kuala Pilah.

Tertuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 182 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara enam bulan dan denda sehingga RM2,000 atau kedua -duanya sekali.

Mahkamah juga mengarahkan tertuduh dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIGA WANITA NAFI DERA BUDAK JAGAAN DI TASKA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tiga wanita nafi dera budak jagaan di taska

**Ipoh:** Tiga wanita termasuk dua guru taska mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam dakwaan mendera kanak-kanak termasuk bayi di bawah jagaan taska itu, minggu lalu.

Guru taska Wan Suhaila Mior Khir, 32, didakwa dengan tiga pertuduhan mendera tiga kanak-kanak termasuk bayi berusia tujuh bulan, dua tahun dua bulan dan dua tahun empat bulan.

Rakan setugasnya pula, Noor Shafina Abdul Khair, 26, pula didakwa dengan tiga pertuduhan mendera dua kanak-kanak termasuk bayi berusia 21 bulan hingga dua tahun lima bulan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Wan Suhaila didakwa melakukan penganiayaan yang menyebabkan kesakitan terhadap tiga kanak-kanak itu antara jam 4.15 petang 4 Julai lalu hingga 2.16 petang 6 Julai lalu.

Noor Shafina pula didakwa melakukan penganiayaan terhadap dua kanak-kanak terbabit antara jam 2.14 petang hingga 4.18 petang, 6 Julai lalu.

Semua kesalahan didakwa dilakukan mereka di taska di Taman Meru Perdana 2, Chemor, di sini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 31(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya bagi setiap pertuduhan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya S S Evangelin di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad, manakala Wan Suhaila diwakili peguam, Raja Mohd Iskandar Zulkharnian Raja Abdul Malek sementara Noor Shafina diwakili peguam, Mohammad Syarifuddin Zaid.

Bagi pertuduhan mendera dua kanak-kanak berusia tujuh dan dua tahun dua bulan, mahkamah menawarkan jaminan sebanyak RM5,000 dengan seorang penjamin kepada Wan Suhaila sementara bagi kesalahannya mendera kanak-kanak berusia dua tahun empat bulan, mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin.

Manakala bagi Noor Shafina, mahkamah menawarkan jaminan sebanyak RM7,000 dengan seorang penjamin selain menetapkan tarikh 16 Ogos depan sebagai sebutan semula kes bagi kedua-dua tertuduh.

Terdahulu, di Mahkamah Sesyen berasingan, pemilik taska Rozidah Yahaya, 51, turut mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Azizah Ahmad terhadap tuduhan meninggalkan seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun lima bulan tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kanak-kanak itu cedera.

Mengikut kertas pertuduhan, wanita itu didakwa meninggalkan kanak-kanak terbabit tanpa pengawasan dan pemeliharaan untuk satu tempoh yang tidak berpatutan di taska itu sehingga menyebabkan kanak-kanak itu cedera di lengan kiri.



WAN Suhaila (kiri) dan Noor Shafina (dua dari kanan) mengaku tidak bersalah atas pertuduhan di Mahkamah Sesyen Ipoh.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2 FEMALE BIKERS ARRESTED AFTER SURRENDERING TO COPS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STARITS TIMES |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

DANGEROUS ROAD STUNTS

# 2 female bikers arrested after surrendering to cops

**IPOH:** Two female motorcyclists, who were caught on video performing dangerous stunts, including "Superman style", while riding motorcycles on the North-South Expressway, were arrested by police on Thursday night.

Muallim district police chief Superintendent Mohd Hasni Mohd Nasir said the two suspects surrendered to the Traffic Investigation and Enforcement Division of the Muallim district police headquarters at 9.10pm.

He said they were successfully tracked down by the police after a 45-second video, showing the two motorcyclists doing dangerous stunts, went viral on social media on Thursday.

"Preliminary investigations found that their actions were recorded at Km375.9 northbound on Sunday and that the riders, aged 18 and 21, were riding from Kuala Lumpur to Ipoh," he said in a statement yesterday.

He said when they arrived at the Behrang rest and service area, the two suspects did a "Superman" act by lifting their legs off the foot-rests to lie belly down on their motorcycles and extended their legs straight out behind as though they were "flying" while zig-zagging between moving vehicles.

Hasni said further checks found that both suspects were from Pulau Indah in Selangor, with one working as an e-commerce platform operator and the other working as a babysitter. Both had no valid motorcycle licence and no criminal record.

"They were issued summonses for not having a valid motorcycle licence," he said. **Bernama**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NURSERY STAFF PLEAD NOT GUILTY TO ABUSE | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STARITS TIMES |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SESSIONS COURT

# NURSERY STAFF PLEAD NOT GUILTY TO ABUSE

All three women are released on bail, Aug 16 set for mentions



*Nursery staff (from left) Wan Suhaila Mior Khir, Rozidah Yahaya and Noor Shafina Abdul Khair pleaded not guilty to child abuse and neglect, at the Ipoh Sessions Court yesterday.* BERNAMA PIC

**IPOH**

TWO childminders and a manager of a nursery here were charged in separate Sessions Court here yesterday with abusing and neglecting children under their care.

Childminders Noor Shafina Abdul Khair, 26, and Wan Suhaila Mior Khir, 32, were charged with three counts each. Both pleaded not guilty to all the charges before judge Ainul Shahrin Mohamad.

On the first and second counts, Noor Shafina was charged with abusing a 2-year-old boy by lying on top of him, pulling his hair and slapping his face at the nursery on July 6.

She also allegedly abused a 2-year-old girl by hitting her on the back and pinching her cheeks.

The court allowed Noor Shafina bail of RM7,000 with one surety on all three charges and set Aug 16 for mention.

Deputy public prosecutor Qurratu'aini Khalifah prosecuted, and lawyer Mohammad Syarifuddin Zaid represented Noor Shafina.

Wan Suhaila was alleged to have abused three 2-year-old girls at the nursery on July 4 and 6.

She was represented by lawyer Raja Mohd Iskandar Zulkharnian Raja Abdul Malek, and was allowed bail of RM8,000 on all three charges.

All the charges against the two women were framed under section 31 (1)(a) of the Child Act 2001, which provides for a maximum fine of RM50,000 or imprisonment for up to 20 years, or both, if found guilty.

In a separate court, nursery manager Rozidah Yahaya, 51, pleaded not guilty to a charge of neglecting a 2-year-old girl resulting in injury to her on the left shoulder.

She was charged under section 33(1)(a) of the Child Act 2001, which provides for a fine of not more than RM20,000 or imprisonment for up to five years, or both, upon conviction.

Judge Azizah Ahmad allowed the woman bail of RM4,000 with one surety and also ordered her to report to the nearest police station once a month.

She also set Aug 16 for mention.

The prosecution was conducted by deputy public prosecutor K. Darinee. Rozidah was represented by lawyers Muhd Alif Afandi and Mohamad Salihen Mastor. **Bernama**

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | PROVING HER METTLE | | |
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | NEW STARITS TIMES |
| TARIKH : | 15 JUL 2023 | M/SURAT : | 07 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

## PROVING HER METTLE

An official observing the skills of a participant in the women's clothing sewing competition held during the Ekspo Institusi Pendidikan TVET @KKDW at Bertam Square in Bertam Perdana, Kepala Batas, yesterday. **PIC BY DANIAL SAAD**



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN, 62, GETS 12 MONTHS' JAIL | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STARITS TIMES |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Saira Abdullah (centre) was sentenced to 12 months' jail by the Selayang magistrate's court yesterday after she pleaded guilty to using chemicals to intentionally injure a man.* PIC BY ASWADI ALIAS

ACID SPLASHING INCIDENT

# WOMAN, 62, GETS 12 MONTHS' JAIL

## She, however, claims trial to causing injury to victim's wife

FARAH SOLHI
**KUALA LUMPUR**
farah.solhi@nst.com.my

An elderly woman was sentenced to 12 months' jail at the Selayang magistrate's court yesterday after she pleaded guilty to using chemicals to intentionally injure a man.

Saira Abdullah, 62, who was seen crying earlier, pleaded guilty to one count of the offence before magistrate Chai Guan Hock.

She was accused of intentionally causing injury using a chemical liquid on a 37-year-old foreign man named Inam Ullah at the Laksamana Jaya apartment in Batu Caves on July 4 about 1.10am.

The charge was framed under Section 324 of the Penal Code, which carries a jail term of up to 10 years or a fine or whipping or any two of the punishments upon conviction.

National Legal Aid Foundation counsel Izleen Ismail, who represented the accused, informed the court that the accused was undergoing treatment for severe depression at the Selayang Hospital.

"She (the accused) is an elderly woman, who has been married for 32 years.

"Just three years ago, she found out that her husband had been cheating on her.

"This pushed her into a deep state of depression.

"However, despite that, she found peace in Islam and converted in 2020.

"She is also in the process of getting a divorce.

"She informed me prior to today's (yesterday) proceedings that she committed the offence after she was provoked by the victim, who had wanted to court her despite already being married.

"In the state of deep depression, she couldn't think straight and took matters into her own hands. She is a first-time offender and deeply regrets her actions," said Izleen.

Deputy public prosecutor Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal then appealed to the court to impose a harsh sentence on the accused and to consider the gravity of the offence, the victim's injuries and public interest.

The magistrate then ordered Saira to serve 12 months in jail from the date of her arrest, July 9.

Saira was also charged with intentionally causing injury using a chemical liquid on 60-year-old Jemilah Sabda, who is Inam's wife, on the same date and location.

She pleaded not guilty to the charge that was framed under the same section.

The magistrate then set bail at RM4,000 and fixed Sept 12 for mention.

This means that Saira will have to serve her prison sentence before paying her bail.

It was previously reported that a couple were injured in an acid splashing incident on July 6.

Acting Gombak police chief Superintendent Noor Ariffin Mohamad Nasir was reported to have said that the victims were splashed with acid while entering a lift at a flats in Batu Caves.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EARLY MORNING FIRE LEAVES FAMILTY OF 12 HOMELESS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



A firefighter battles the blaze at the house. — Bomba photo

# Early morning fire leaves family of 12 homeless

**MIRI:** A fire early yesterday razed a house in Kampung Tudan here, leaving a family of 12 homeless.

A statement from the Lutong Fire and Rescue Department (Bomba) said a distress call on the incident came in at 1.58am.

A team of five firefighters was sent to the scene at 1.59am. Nine firefighters from Bomba Lopeng were also assigned to assist.

"Upon arrival at the scene, the team found that there was indeed a fire involving a semi-permanent house, which had been 70 per cent destroyed.

"A car was also destroyed in the fire. Fortunately, no casualties were reported," said the statement.

Firefighters managed to control and put out the fire at 2.40am.

The operation ended at 4.10am.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN ORDERED TO ENTER DEFENCE FOR ALLEGEDLY HAVING ANAL SEX WITH UNDERAGE BOY | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Man ordered to enter defence for allegedly having anal sex with underage boy

**KUCHING:** The Sessions Court here yesterday ordered a 30-year-old man to enter his defence on four counts of having anal sex with a then 15-year-old boy three years ago.

Judge Maris Again made the order after finding the prosecution had proven a prima facie case against the accused.

Maris set the trial for Nov 22-23 as well as extended the man's court bail of RM10,000 with two local sureties.

The prosecution called 11 witnesses including a doctor and police officers.

The four charges were framed under Section 377A of the Penal Code for committing carnal intercourse against the order of nature, read together with Section 377B of the same Code, which provide for a jail term of up to 20 years and possible caning.

Based on the facts of the case, the accused became acquainted with the teenager from a social media application in 2020.

According to first two charges, he allegedly committed the offence against the boy at the end of July 2020 and early August 2020 in a rented room in Matang Jaya here.

According to the final two charges, he allegedly committed the same offence against the same victim during two separate occasions in mid-August 2020 and on Aug 21, 2020.

DPP Ruvinasini Pandian prosecuted the case, while the man was represented by Christopher Bada and Roy Gingkoi.



The accused exits the courtroom after the proceedings.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MITRAF 27: THE TWIN BROTHERS PATISSERIE HANDS OVER SPONSORSHIP FOR CHILDREN'S COLOURING CONTEST | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Lee presents a loaf of bread to Ung (right) to symbolise the sponsorship, witnessed by Ng.

# Mitraf 27: The Twin Brothers Patisserie hands over sponsorship for children's colouring contest

**MIRI:** The Twin Brothers Patisserie on Thursday presented a sponsorship of bread loaves for the upcoming Miri Trade Fair 27 (Mitraf 27) Sarawak Day Children's Colouring Contest.

The contest takes place on July 22 at Permaisuri Inperial City Mall here, from 10am to 2pm, and is one of Mitraf 27's list of events.

Run and operated by a pair of twin entrepreneurs, The Twin Brothers Patisserie is located at Airport Commercial Centre just opposite Miri Airport.

It specialises in all kinds of homemade breads with no preservatives added. Each day, the bakery only produces 300 loaves of bread.

Co-proprietor Lee Jun Tak handed over the sponsorship to See Hua Marketing Miri sales representative Sheryl Ung and circulation executive Melvin Ng.

The Mitraf 27 trade fair is running from July 19-23, featuring more than 70 vendors showcasing a myriad of products and services.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | A YEAR'S JAIL FOR ACID ATTACK ON PAKISTANI MAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# A year's jail for acid attack on Pakistani man



**Off to jail:** Saira being led away after pleading guilty. — Bernama

**KUALA LUMPUR:** A woman has been sentenced to 12 months' jail by the Selayang Magistrate's Court here for splashing acid on a Pakistani man last week.

Magistrate Chai Guan Hock handed down the sentence on Saira Abdullah, 62, yesterday, after she pleaded guilty to voluntarily causing hurt by dangerous means on Inam Ullah, 37, in a lift at Block B of the Laksamana Jaya Apartments, Kampung Laksamana, Batu Caves, Gombak, at 1.10am on July 4.

Inam sustained first-degree burns on the right shoulder and back in the incident.

Saira, who is a Muslim convert, was ordered to serve the jail sentence from the date of arrest, which was July 9.

She was charged under Section 324 of the Penal Code which carries a maximum prison sentence of 10 years or a fine or whipping or any two of the punishments, if found guilty.

During mitigation, her lawyer Izleen Ismail, from the Selangor National Legal Aid Foundation, said her client acted as such because she was provoked by the complainant, who wanted to befriend her despite being told that she was married.

"She has been married for 32 years until three years ago when she found out that her husband had an affair with another woman.

"Saira is currently in the process of seeking a divorce," Izleen said.

Deputy public prosecutor Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal prosecuted.

Saira was also charged with voluntarily causing hurt to Inam's wife, Jemilah Sabda, 60, at the same place, date and time.

She pleaded not guilty to the charge and was allowed bail of RM4,000 with one surety.

The court set Sept 12 for mention. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BITE-SIZED TREATS A BIG HELP FOR POOR FAMILY | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bite-sized treats a big help for poor villagers



**Green thumb:** Rosnah tending to her torch ginger plants, or bunga kantan, near her home at Kampung Temenin Baru in Kota Tinggi, Johor. — THOMAS YONG/The Star

## 66-year-old grandmother helps her community by selling kerepek

By **MOHD FARHAAN SHAH**
farhaan@thestar.com.my

**KOTA TINGGI:** Making and selling a variety of bite-sized crackers, or kerepek, has helped Rosnah Ngabi to provide assistance to those in need from her village.

The 66-year-old grandmother, who lives in Kampung Temenin Baru here, started a fund with another villager a few months ago to help their neighbours.

"I sell different types of kerepek, while the other villager has a farm.

"A part of whatever profits we make is channelled into a fund we have set up. The money that we have been raising enables us to buy basic necessities," she said.

Rosnah, who has four children and three grandchildren, added that the ingredients that she uses to make kerepek include pisang tanduk, pisang raja udang, Brazilian spinach and misai kucing.

She said these ingredients can be found in her own garden that she has been tending for over 10 years.

"There are over 20 different types of herbs, vegetables and fruits that I have planted in my backyard garden.

"Some of the herbs that I have is good for those with diabetes or have high blood pressure and kidney problems

"Currently, I have been working closely with the Kota Tinggi Tourist Information Centre to bring in both local and foreign tourists to visit my garden and buy the kerepek that I make, which is for a good cause," she added.

Rosnah said that among the reasons she decided to set up the fund was to help her neighbours whom she had known all her life.

She added that most of the villagers, especially those that were bedridden, were unable to buy necessities that they needed on their own due to their own financial constraints.

"I believe that we should share our rezeki (blessings) with others, in particular those that need help.

"If we do that, then God will give us more rezeki," she said adding that there were more than 500 villagers in her village.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DAYCARE TRACHERS DENY ABUSING KIDS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Daycare teachers deny abusing kids

## Two claim trial to allegedly hurting five children under their care

By ILI AQILAH
newsdesk@thestar.com.my



**The accused:** The women from the child abuse cases being led to the courtroom. — RONNIE CHIN/The Star

**IPOH:** Two daycare teachers claimed trial at the Sessions Court here to intentionally causing physical harm to five children.

Wan Suhaila Mior Khir, 32, and Noor Shafina Abdul Khair, 26, pleaded not guilty against the charges that were read separately before judge Ainul Shahrin Mohamad here yesterday.

They were charged under Section 31(1)(a) of the Child Act 2011 of the Penal Code, which provides for a fine not exceeding RM50,000 or a maximum jail term of 20 years, or both, if convicted.

For the first charge, Wan Suhaila was accused of slapping, pulling, and pushing a two-year-old girl to the floor, which resulted in bruising on her cheeks at the daycare centre in Taman Meru Perdana on July 6 between 9.37am and 9.39am.

For the second charge, which happened a few hours later, the accused had allegedly slapped another two-year girl and pushed the victim's head onto a pillow.

For the third charge, the accused was said to have forcefully pulled another girl's hair, hurting her at the daycare centre on July 4 at about 4.15pm.

Deputy public prosecutor Qurratu'aini Khalifah requested for the first two charges to be denied bail while DPP SS Evangelin requested RM15,000 bail to be set for the third charge.

Lawyer Raja Mohd Iskandar Zulkharnian Raja Abdul Malek, who represented the accused, requested lower bail as Wan Suhaila is currently two months pregnant and only earns about RM1,500 a month.

Judge Ainul set bail at RM5,000 for the two offences with one surety and another RM3,000 bail with a surety for the third charge.

As for Noor Shafina, she was also slapped with three counts under the same section.

For the first two charges, Noor Shafina was said to have laid her head on a two-year-old boy who was sleeping and slapped his right thigh harshly.

She was also accused of pulling the boy's shirt from the back before putting it over his head and slapping his cheek at the daycare on July 6 between 2.14pm and 2.22pm.

Her third charge took place on the same date, where she was said to have allegedly roughly pulled the hair of a girl and hit her back while trying to tie her hair.

Qurratu'aini also requested for bail to be denied.

Lawyer Mohamad Sharifuddin Zaid, who represented Noor Shafina, requested lower bail as the accused only earns RM1,500 a month.

"Bail is not a form of punishment and the accused's husband is present to pay the bail and will make sure that his wife attends the court proceedings.

"He only earns RM1,500 and works at a factory," he said.

Ainul set bail at RM7,000 with a surety for all three charges and Aug 16 for both accused's mention.

At a separate courtroom, daycare centre owner Rozidah Yahaya, 51, pleaded not guilty to intentionally leaving a two-year-old girl without supervision which led to an injury on the victim's left hand.

She was charged under Section 33(1)(a) of the Child Act 2001, which provides for a maximum fine of RM20,000 or up to five years in jail, or both, upon conviction.

While waiting to be called, Rozidah, who was handcuffed, was seen tearing up.

DPP K. Darinee requested bail to be set at RM12,000.

Lawyers Muhd Alif Afandi and Mohamad Salihen Mastor requested bail to be set at RM3,000.

Judge Azizah Ahmad set bail at RM4,000 with a surety and ordered the accused to report herself to the nearest police station once a month.

The judge also set Aug 16 for mention.

WATCH THE VIDEO TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PARA ATHLETE CHAMP RACES TO A GREAT STPM RESULT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Para athlete champ races to a great STPM result




**Proud moment:** NurulAin Natasha's parents Rorida Deraman and Marzuki Salleh giving her a kiss to celebrate her results at SMK Pengkalan Chepa. — Bernama

**KOTA BARU:** Para athlete gold medallist NurulAin Natasha Marzuki is not only good on the track.

The girl, who was born without a right arm, spent five hours a day studying for her Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) examination and managed to achieve a 3.42 cumulative grade point average (CGPA).

NurulAin Natasha, 20, from SMK Pengkalan Chepa here, said she wants to become a teacher.

She said she intended to pursue her studies at Universiti Pendidikan Sultan Idris or Universiti Kebangsaan Malaysia as well as represent Malaysia at the SEA Games, Bernama reported.

"Last November, I won a gold medal in the 200m track in athletics at the Malaysia Para Games (Para Sukma) organised by the National Sports Council.

"So, I have my heart set on representing my country at the international level as well," she added.

She said she would start studying after the Maghrib prayers until 1am, paying more attention to the subjects she did not understand well.

She said her disability was not an obstacle to her in her studies or daily life.

"I have to rely only on my left hand almost all the time, for writing, eating and so on, but it does not weaken my spirit," she said when met at the school here after the results were released.

NurulAin Natasha said she hoped that her success can inspire others, especially those with a disability.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PARENTS, DO YOU KNOW WHERE YOUR CHILDREN GO ONLINE? | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Parents, do you know where your children go online?

LATELY, there has been an increase in the number of reports about child pornography cases. The Consumers' Association of Penang (CAP) finds it very disturbing and frightening that the number of individuals accessing child pornography online has been increasing. This means that the number of children becoming victims of child pornography is also increasing.

The Bukit Aman Sexual, Women, and Children Crime Investigation Division (D11) principal assistant director Asst Comm Siti Kamsiah Hassan has been quoted in a news article as saying that the number of IP (Internet Protocol) addresses in Malaysia accessing child pornography from 2018 to January of this year was 136,993. The highest number of cases detected by the police are located in Selangor, next is Johor, and then Sabah ("'Selangor, Johor have most child porn cases'", *Sunday Star*, June 25; online at bit.ly/star_childporn).

She also said the number of cases in a year are increasing every year.

As such, it is good to know that Budget 2023 has enabled the Malaysia Internet Crime Against Children (Micac) Investigation unit to expand to all states in Malaysia, and that experts are being trained to tackle cyber sexual crimes.

However, protecting children against cyber sexual crimes such as becoming victims of child pornography is something that needs to start in the home. One of the ways that children are lured and trapped into committing sexual acts which are then recorded and posted online is through meeting strangers on the Internet. Reports state that these criminals attract children online by befriending and speaking kind words to them or offering them incentives for things like online games.

To counter this, parents need to be aware of the websites their young children are visiting and who they are speaking to online. There is software available that will allow parents to track their children's Internet usage and block sites that they know are not appropriate for children.

Sadly, though, many times the offenders are people that the children know, such as their own family members.

This is why it is also important that children be taught in school about "good touch" and "bad touch". Children need to be made aware of what would be considered an inappropriate physical touch because, sometimes, the people who are supposed to protect children are the ones who end up abusing and exploiting them.

We ask that the government take this matter seriously by putting in place measures to stop the proliferation of child pornography. Schools should also have facilities where children can talk confidentially and share their problems.

These proposals go together with the suggestion that parents need to take more initiative to monitor what their children do online, and that the Education Ministry must introduce this as a specific topic to be discussed in schools.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**
**President**
**Consumers' Association**
**of Penang (CAP)**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RETIRE'S MISSING MYSTERY PARCEL TURNS OUT TO BE SCAM | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Retiree's missing mystery parcel turns out to be scam

**IPOH:** Afraid that she would get arrested, a retiree from Taiping lost more than RM100,000 to a scam.

The 67-year-old first received a call from an individual claiming to be a delivery man, who told her that he had a parcel containing her MyKad that was supposed to be sent to a house in Perlis in early June.

The man said because no one was home, he had sent the parcel to a nearby police station, according to Perak police chief Comm Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri.

"The victim was then connected to another man, who claimed to be a police officer," he said in a statement yesterday.

Comm Mohd Yusri said the "officer" then alleged that the victim was involved in money laundering and drugs.

"He then transferred her to a third suspect, supposedly a Datuk, and asked the victim to cooperate if she did not want to be arrested.

"The third suspect asked the victim to reveal all her bank account details for investigation purposes and also asked her to set up a new bank account and transfer all her savings of RM101,887 to it.

"After she completed the transaction, she was asked to give the details of her new bank account through an app and transfer another RM10,900 to a separate account," he added.

Comm Mohd Yusri said the victim then checked her bank account on Thursday and discovered that several transactions had been made from her new bank account to three unknown accounts.

"There were eight transfers amounting to RM102,950 made on Wednesday," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEEING THE BIG PICTURE THROUGH FREE GLASSES | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Seeing the big picture through free glasses

## Dr Chan gives kids a chance at a brighter future




**Clear view of the future:** Schoolchildren holding vouchers for free eye check-ups and spectacles provided by the Eyecon mobile team.

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

**MELAKA:** A heart-wrenching story of a Year Six pupil inspired an ophthalmologist to kickstart an initiative to provide free spectacles to thousands of deserving schoolchildren since 2010.

Datuk Dr Murphy Chan Hian Kee recalled how a 12-year-old motivated him to propel his charitable work that has benefited thousands of students and the underprivileged community in the state over the past 13 years.

"I vividly remember testing the visual acuity of the boy with an eye chart when I detected he had difficulties in reading and needed a pair of spectacles.

"The boy looked at me and replied nonchalantly that he knew that he had trouble with his eyesight but his mother asked him to live with it," he said in an interview.

Dr Chan then asked the boy why his mother had not made any attempt to get him a pair of spectacles or seek help for his condition.

"The boy informed me that his mother had no money and that she could only offer prayers for him to see clearly.

"He also asked me if he would be blind in future if he continued not to wear spectacles.

"His words touched me and sparked my interest to pursue a new kind of charity fulfilment through launching a free eyeglass project for deserving students," said the 57-year-old.



**Selfless work:** Dr Chan began his charitable work 13 years ago.

Dr Chan, who is also an advisory council member of Asia Optometric Congress, said he focused on schoolchildren as the consequences of not addressing eyesight problems at an early stage could be dire.

"A study showed that students who performed poorly were misdiagnosed with behavioural disorders when the actual reason was poor vision," he said.

This is the reason Dr Chan's company – Eyecon Optometry Network – has gone big with the charity programme over the years by working closely with local communities and school managements to help provide improved vision and promote eye health among schoolchildren.

Dr Chan believes that a simple pair of spectacles could dramatically improve the lives of poor students.

"Since 2010, Eyecon has assisted thousands of deserving and underprivileged communities to have better eye care and provided vision aid, reaching out to schools as well as orphanages and elderly folk," said the father of two boys.

Dr Chan said his team was able to reach out to schools in rural areas through a mobile vision vehicle, equipped with portable vision-testing equipment to detect vision errors, binocular vision problems, colour vision and all kinds of eye diseases.

He works relentlessly to provide quality eye care and transform the lives of underprivileged children where Eyecon has launched a campaign called "Penglihatan Jelas, Prestasi Cemerlang" (PJPC) to continue the noble work.

Dr Chan said PJPC has reached out to schoolchildren to create an awareness of the importance of good vision, educating them with good visual hygiene and guiding them to perform well in schools, both academic or non-academic, through guided vision exercises.

"Under the PJPC, I have compartmentalised the rewarding system for schoolchildren to qualify subsequent free eyeglasses in a bid to teach them to appreciate the complimentary spectacles.

"Apart from excelling in studies, students with good co-curricular achievements and high discipline will qualify for the annual spectacles giveaway.

"Respecting teachers and parents is an additional criterion that I have incorporated in my reward system," he said.

Dr Chan said Eyecon has also reached out to offer free spectacles to deserving caregivers, who have dedicated their efforts and time to care for the less fortunate.

"We hope that by providing good eye care and a pair of spectacles can uplift the lives of these children as they can see better in classes and perform better academically," he said.

Dr Chan's goal is to perform more free screenings and reach out to deserving schoolchildren throughout the country, especially on myopia management.

"There is a need to address myopia as it is now the number one vision-related issue in Asia," he said.

Dr Chan said myopia would result in future eye diseases such as cataract, glaucoma, retinal detachment, macular degeneration and other complications.

He also said myopia has become more widespread in recent times due to lifestyle and increased screen time.

"The WHO estimates that half of the population worldwide may be myopic by 2050," he said, referring to the World Health Organisation.

Star GOLDEN HEARTS AWARD
Supported by Yayasan Gamuda
SMALL STEPS
Big Impact
Nominate **individuals** or **organisations** who have made a positive impact on society.
Ten winners will be selected, and also be in the running for the coveted **Gamuda Inspiration Award** with minimum **RM50,000** grant.
Tell us at **sgha.com.my**
Nomination closes July 31, 2023.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMEN 'STUNT' BIKERS ARRESTED | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Women 'stunt' bikers arrested

**IPOH:** Two female motorcyclists who were caught on video performing dangerous stunts while riding motorcycles, including "Superman-style", on the North-South Expressway have been arrested.

Muallim OCPD Supt Mohd Hasni Mohd Nasir said the two suspects surrendered to the Traffic Investigation and Enforcement Division of the Muallim district police headquarters at 9.10pm on Thursday.

He said they were tracked down by police after a 45-second video, showing the two motorcyclists doing dangerous stunts, went viral on social media on Thursday.

"Preliminary investigations found that their actions were recorded at KM375.9 northbound last Sunday, and that the riders, aged 18 and 21, were riding from Kuala Lumpur to Ipoh," he said in a statement yesterday, Bernama reported.

Supt Mohd Hasni said checks found that both suspects were from Pulau Indah in Selangor, with one working as an ecommerce platform operator, and the other as a babysitter.

"They were issued summonses for not having a valid licence, and the case is being investigated under Section 42(1) of the Road Transport Act 1987," he said.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 2 WANITA BERAKSI 'SUPERMAN' DI LEBUH RAYA DITAHAN POLIS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 2 wanita beraksi 'Superman' di lebuh raya ditahan polis

**IPOH:** Dua wanita yang aksi mereka tular kerana menunggang motosikal secara berbahaya termasuk melakukan aksi 'Superman' di Lebuhraya Utara-Selatan, ditahan polis kelmarin.

Ketua Polis Daerah Muallim Superintenden Mohd Hasni Mohd Nasir berkata, kedua-duanya menyerah diri di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim pada jam 9.10 malam.

Beliau berkata, mereka berjaya dikesan polis susulan tular rakaman video berdurasi 45 saat yang memaparkan dua penunggang motosikal melakukan aksi berbahaya di media sosial sejak Rabu.

"Siasatan awal mendapati aksi mereka dirakamkan di Kilometer 375.9 arah utara pada Ahad lalu dan remaja berusia 18 dan 21 tahun itu menunggang dari Kuala Lumpur ke Ipoh.

"Apabila mereka sampai di kawasan rehat dan rawat Behrang kedua-dua suspek melakukan aksi 'Superman' iaitu meniarap di atas tempat duduk dan mencelah di antara kenderaan yang lain," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Hasni berkata, kedua-dua mereka berasal dari Pulau Indah, Selangor dan masing-masing bekerja sebagai operator platform e-dagang dan pengasuh bayi serta tidak mempunyai rekod jenayah.

"Pihak polis telah mengeluarkan saman ke atas mereka kerana kesalahan tiada lesen dan kes disiasat mengikut Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DERA, ABAI KANAK-KANAK: DUA GURU TASKA DAN PEMILIK DIHADAP KE MAHKAMAH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dera, abai kanak-kanak: Dua guru taska dan pemilik dihadap ke mahkamah

**IPOH:** Dua guru taska didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, masing-masing atas tiga pertuduhan mendera kanak-kanak dalam jagaan mereka di sebuah taska di Meru, awal bulan ini.

Noor Shafina Abdul Khair, 26, dan Wan Suhaila Mior Khir, 32, mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan itu.

Bagi pertuduhan pertama dan kedua, Noor Shafina didakwa melakukan penganiayaan terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun dengan cara menindan badan mangsa, menampar pahanya dengan kuat, menarik rambut serta menampar pipi mangsa pada 6 Julai lepas di taska tersebut.

Dia turut didakwa menganiaya seorang kanak-kanak perempuan berusia dua tahun dengan memukul belakang badan dan mencubit pipi mangsa.

Timbalan Pendakwa Raya Qurratu'aini Khalifah tidak menawarkan jaminan, namun peguam Mohammad Syarifuddin Zaid memohon jaminan munasabah atas alasan anak guamnya akan memberi kerjasama penuh dalam kes itu.

Hakim Ainul Shahrin Mohamad menetapkan RM7,000 sebagai jaminan dengan seorang penjamin bagi ketiga-tiga pertuduhan dan menetapkan 16 Ogos untuk sebutan semula kes.

Wan Suhaila pula dituduh menganiaya tiga kanak-kanak perempuan berumur dua tahun sehingga menyebabkan kecederaan ke atas mereka di taska sama pada 4 dan 6 Julai lepas.

Mahkamah membenarkan wanita itu yang diwakili peguam Raja Mohd Iskandar Zulkharnian Raja Abdul Malek diikat jamin berjumlah RM8,000 terhadap ketiga-tiga pertuduhan.

Kesemua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 31 (1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, di mahkamah berasingan, pengurus taska berkenaan Rozidah Yahaya, 51, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan mengabaikan seorang lagi kanak-kanak perempuan juga berusia dua tahun sehingga mangsa cedera di bahu kiri.

Dia dituduh di bawah Seksyen 33(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda tidak melebih RM20,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Hakim Azizah Ahmad membenarkan wanita itu diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan melapor diri di balai polis terdekat sebulan sekali dan menetapkan 16 Ogos untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendawa Raya K. Darinee manakala tertuduh diwakili peguam Muhd Alif Afandi dan Mohamad Salihen Mastor. — Bernama



**DITUDUH MENDERA:** Wan Suhaila (tengah) dan Noor Shafina (kanan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh semalam terhadap pertuduhan mendera kanak-kanak dalam jagaan mereka di sebuah taska di Meru, awal bulan ini. — Gambar Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GEREJA JESUS CHRIST OF LATTER-DAY SAINTS SUMBANG ALAT RAWATAN KANSER KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




**TERIMALAH:** Dr Betty (empat kanan) dan Jodie Sim (dua kanan) menerima sumbangan peralatan daripada wakil Gereja Jesus Christ of Latter-day Saints Malaysia untuk HUS dan SCCS.

# Gereja Jesus Christ of Latter-day Saints sumbang alat rawatan kanser kanak-kanak

**KUCHING:** Pesakit kanser kanak-kanak Sarawak yang menerima rawatan di Wad Pediatrik Onkologi dan Hematologi 2A Hospital Umum Sarawak (HUS) kini mempunyai akses kepada penjagaan yang lebih baik dengan sumbangan peralatan perubatan penting baharu tajaan Gereja Jesus Christ of Latter-day Saints Malaysia.

Majlis penyerahan sumbangan berupa 13 unit peralatan perubatan bernilai RM115,167.55 diadakan pada Khamis di wad tersebut daripada pihak gereja kepada HUS dan Persatuan Kanser Kanak-Kanak Sarawak (SCCS).

Peralatan yang terdiri daripada set airvo dan aksesorinya, ventilator Bi-Level, pam infuse dan pam picagari diserahkan kepada Ketua Pakar Onkologi Pediatrik Wad 2A Dr Betty Ho dan Pengarah Eksekutif SCCS Jodie Sim oleh wakil gereja Elder Sandy Hall dan Sister Ardella Hall.

Presiden SCCS Rodney Wong dalam pada itu memuji sumbangan gereja terbabit untuk meningkatkan kualiti keseluruhan penjagaan yang diberikan kepada kanak-kanak yang melawan kanser di Sarawak.

"Wad Pediatrik 2A di HUS merupakan pusat rawatan utama bagi kanak-kanak yang disahkan menghidap kanser di bawah umur 18 tahun dari seluruh Sarawak.

"Secara purata, wad ini menempatkan kira-kira 15 hingga 20 pesakit pada satu-satu masa dengan maksimum 28 pesakit," katanya.

Tambah Wong, terdapat unit peralatan terhad seperti pam infuse dan picagari disediakan di wad ini.

Justeru katanya, tambahan peralatan ini akan membantu memastikan semua kanak-kanak mempunyai akses kepada peralatan terbaik yang tersedia untuk pentadbiran ubat kemoterapi yang selamat dan tepat.

Sementara itu, Dr Betty turut berterima kasih kepada pihak gereja atas sumbangan mereka membantu meningkatkan penjagaan pesakit.

"Dengan penambahan peralatan baharu seperti ventilator Bi-Level, kami akan dapat memenuhi keperluan pesakit dengan lebih baik dan membantu meningkatkan hasil rawatan.

"Alat mudah alih ini juga membolehkan pesakit menerima rawatan di rumah dan bukannya perlu tinggal di wad," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HOPE PLACE SANTUNI MANGSA KEBAKARAN DI KPG MAMBONG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**PRIHATIN: Wakil Hope Place (kiri) menyampaikan bantuan kepada salah seorang ahli keluarga Lezson, mangsa kebakaran di Kampung Mambong.**

# Hope Place santuni mangsa kebakaran di Kpg Mambong

**KUCHING:** Mangsa kebakaran di Kampung Mambong, Padawan di sini menerima bantuan berupa makanan asas termasuk kain mandi, berus gigi dan ubat gigi daripada Hope Place.

Kebakaran yang berlaku Selasa lepas telah memusnahkan sepenuhnya kediaman rumah kayu keluarga Lezson Sidem.

Isteri Lezson mengalami lecur tahap satu pada tangan kirinya dan turut melecur pada tangan kanannya.

"Hope Place menerima panggilan kecemasan daripada individu yang prihatin mengenai kebakaran di kampung tersebut.

"Susulan panggilan itu, Hope Place turun padang menyumbang bantuan kepada keluarga mangsa yang turut kehilangan motosikal mereka dalam kebakaran itu," katanya jurucakap Hope Place.

Dalam pada itu kesemua enam mangsa kini menumpang di rumah saudara mereka yang terletak berhampiran kediaman mereka yang telah musnah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PANDU PUTERI, SUKARELAWAN PMU IKUTI PROGRAM BERSIHKAN PANTAI KALA DANA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pandu Puteri, sukarelawan PMU ikuti program bersihkan Pantai Kala Dana

**MUKAH:** Seramai 13 pemimpin Persatuan Pandu Puteri dan 11 sukarelawan dari Politeknik Mukah (PMU) menyertai program 'National Plastic Busters Beach River Park Clean Up 2023' di sini, baru-baru ini.

Pesuruhjaya Daerahnya Rahayu Ali berkata, program itu bertujuan memberi kesedaran kepada ahli-ahli Pandu Puteri dan komuniti serta masyarakat setempat tentang bahaya pencemaran plastik kepada kehidupan manusia.

"Program itu merupakan anjuran Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan dilaksanakan di semua negeri seluruh Malaysia," katanya kepada Utusan Borneo di sini.

Menurutnya, Pantai Kala Dana Mukah dipilih sebagai lokasi aktiviti mengutip sampah plastik pada program tersebut.

Katanya, program itu bermula jam 7.30 pagi turut disertai pemimpin dan ahli-ahli Pandu Puteri dari sembilan buah sekolah di daerah Mukah dan Dalat.

"Program selama tiga jam ini turut dihadiri oleh Lembaga Eksekutif Persatuan Pandu Puteri Daerah Mukah," jelasnya.




**PROGRAM KOMUNITI:** Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri Malaysia Daerah Mukah ketika menyertai program kemasyarakatan di Pantai Kala Dana Mukah, baru-baru ini.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMBANGUNAN PENDIDIKAN SENTIASA MENJADI AGENDA UTAMA HUANG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pembangunan pendidikan sentiasa menjadi agenda utama Huang

**SARIKEI:** Pembangunan pendidikan adalah agenda utama yang diberikan perhatian khusus dari semasa ke semasa, kata Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Dato Sri Huang Tiong Sii.

Menurutnya, azam dan matlamat memastikan pembangunan pendidikan dan keperluan pelajar di sekolah menjadi perkara amat penting sejak beliau terpilih menjadi wakil rakyat.

"Kita sedaya upaya membantu pihak sekolah demi meningkatkan tahap pendidikan, menambah baik kemudahan dan kelengkapan sekolah, supaya pelajar dapat belajar dalam suasana lebih selesa.

"Usaha dan matlamat ini amat penting memastikan misi negara dan impian setiap ibu bapa melihat anak-anak mereka berjaya dan menjadi insan sempurna.

"Oleh itu, kita berharap semua pihak dapat berganding bahu dan berusaha memastikan matlamat pendidikan cemerlang dapat tercapai dengan jayanya," ujarnya.



**RINGANKAN BEBAN:** Huang bersama pelajar sekolah mendapat bantuan beg sekolah di daerah Meradong.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Beg Sekolah bagi beberapa sekolah rendah di Daerah Meradong semalam.

Antara sekolah-sekolah mendapat bantuan tersebut ialah SK Tulai, SK Ulu Meradong, SK Hulu Stras dan SJKC Ming Daik.

Ahli Parlimen Sarikei itu turut memaklumkan beberapa sekolah di Meradong yang berada di kawasan luar bandar terutamanya sekolah di kawasan rumah panjang agak usang.

"Justeru, kita sedia upaya membantu menaik taraf, penyelenggaraan di bawah kemampuan kita.

"Kita melihat keperluan mendesak pihak sekolah dan di bawah kemampuan kita. Justeru, kita bersetuju memperuntukkan dana kepada pihak sekolah secara serta-merta dengan harapan dapat menyelesaikan masalah itu secepat mungkin.

"Beberapa permohonan perlu dipohon dan dilaksanakan secara berperingkat seperti ubah suai bangunan sekolah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Pendidikan," jelasnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RUMAH TERBAKAR, 12 SEKELUARGA TERJEJAS | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Rumah terbakar, 12 sekeluarga terjejas

## Kebakaran turut memusnahkan sebuah kereta namun kesemua mangsa terselamat

Oleh Mohd Aliff Idzwan Abdullah

**MIRI: Seramai 12 sekeluarga hilang tempat berteduh apabila rumah mereka di Lorong Sejahtera 1A-1B, Kampung Tudan di sini musnah dalam kebakaran awal pagi semalam.**

Ketua Bahagian Penyiasatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Zon 6 Miri Penguasa Bomba Awangku Mohd Hazmin Awang Zainal berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kebakaran terbabit pada kira-kira jam 1.58 pagi.

"Sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lutong kemudian bergegas ke lokasi kejadian yang jaraknya sekitar lapan kilometer dari balai.

"Setibanya pasukan bomba di lokasi, didapati kebakaran melibatkan sebuah rumah jenis separuh kekal terbakar hampir 70 peratus.

"Turut terjejas dalam kebakaran terbabit ialah sebuah kereta," katanya dalam satu kenyataan di sini.



**MUSNAH: Anggota bomba berusaha memadamkan api memusnahkan sebuah rumah didiami 12 sekeluarga di Miri pagi semalam.**

Awangku Mohd Hazmin memberitahu pasukan bomba kemudian menjalankan operasi pemadaman dengan menggunakan satu aliran 200 kaki dua nozel air daripada jentera.

"Bomba mengambil masa kira-kira 30 minit mengawal api iaitu api dapat dikawal kira-kira jam 2.40 pagi. Kebakaran menjejaskan 12 orang penghuni terdiri empat orang mangsa dewasa dan lapan orang kanak-kanak.

> "Setibanya pasukan bomba di lokasi, didapati kebakaran melibatkan sebuah rumah jenis separuh kekal terbakar hampir 70 peratus."
>
> **Penguasa Bomba Awangku Mohd Hazmin Awang Zainal**
> *Ketua Bahagian Penyiasatan Kebakaran JBPM Zon 6 Miri*

"Bagaimanapun, kebakaran tidak melibatkan sebarang kemalangan jiwa," jelasnya.

Beliau berkata, setelah memastikan tiada lagi punca api boleh menyebabkan kebakaran berulang operasi ditamatkan jam 4.10 pagi.

Dalam pada itu, kebakaran itu turut ditangani dengan bantuan sepasukan anggota bomba dari BBP Lopeng.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SIMBAH ASID TERHADAP LELAKI WARGA PAKISTAN, WANITA EMAS DIPENJARA 12 BULAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 15 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Simbah asid terhadap lelaki warga Pakistan, wanita warga emas dipenjara 12 bulan

**KUALA LUMPUR:** Seorang wanita warga emas dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret Selayang di sini semalam kerana menyimbah asid ke atas seorang lelaki warga Pakistan sehingga mengalami kelecuran tahap satu di bahu kanan dan belakang badan, minggu lepas.

Majistret Chai Guan Hock menjatuhkan hukuman itu terhadap Saira Abdullah, 62, selepas dia mengaku bersalah mencederakan Inam Ullah, 37, dengan menggunakan cecair kimia di dalam lif Blok B Pangsapuri Laksamana Jaya, Kampung Laksamana, Batu Caves, Gombak, pada 1.10 pagi, 4 Julai lepas.

"Tertuduh telah mengaku bersalah dan menjimatkan masa dan kos mahkamah. Dengan mengambil kira faktor kepentingan awam dan keseriusan kesalahan, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan bermula dari tarikh tangkap pada 9 Julai 2023," kata majistret itu.

Wanita itu didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada seksaan itu.

Peguam Izleen Ismail dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan Selangor yang mewakili Saira merayu hukuman ringan dengan alasan anak guamnya, seorang mualaf kini dalam proses penceraian dengan suaminya selain mengalami kemurungan teruk serta menghidap penyakit darah tinggi.

"Wanita ini sudah 32 tahun berumah tangga dengan suaminya. Bagaimanapun, tiga tahun lepas, dia mendapat tahu bahawa suaminya mempunyai hubungan sulit dengan perempuan lain," kata peguam itu dan menambah anak guamnya tidak mempunyai rekod kesalahan lampau.

Menurut Izleen, dalam kes ini, tertuduh mendakwa dia telah diprovokasi oleh mangsa (Inam) yang mahu berkawan dengannya walaupun lelaki itu sudah berkahwin.

"Tertuduh tidak boleh berfikir dengan betul dan mengambil tindakan sendiri (menyimbah cecair kimia) dan dia amat menyesali perbuatannya," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Wan Nur Iman Wan Ahmad Afzal memohon hukuman berat berbentuk pengajaran dikenakan terhadap tertuduh, mengambil kira kecederaan dialami mangsa kerana faktor kepentingan awam perlu mengatasi kepentingan peribadi tertuduh.

Mengikut fakta kes, hasil pemeriksaan doktor mendapati mangsa mengalami kesan lecuran tahap satu di bahu kanan dan belakang badan.



**DIHUKUM: Saira dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret Selayang di Kuala Lumpur semalam kerana menyimbah asid ke atas seorang lelaki warga Pakistan sehingga mengalami kelecuran tahap satu di bahu kanan dan belakang badan, minggu lepas.** — Gambar Bernama

Dalam prosiding sama, Saira mengaku tidak bersalah atas pertuduhan dengan sengaja mencederakan Jemilah Sabda, 60, isteri kepada Inam pada tempat, waktu dan tarikh sama, juga mengikut seksyen yang sama.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM4,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 12 Sept ini untuk sebutan semula kes. — Bernama